

# Pembangkok gagal berpakat: PM

JITRA, Khamis — Pembangkang tidak dapat mengemukakan sebarang pembaharuan kerana mereka sesama sendiri tidak boleh duduk semeja, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Sebenarnya pembangkang adalah orang yang berkepentingan diri, sebab itulah mereka tidak boleh duduk semeja. Tetapi kita dalam Barisan Nasional boleh duduk semeja menyelesaikan apa saja masalah.

"Kerana tidak boleh duduk semeja maka Tengku Razaleigh terpaksa membuat perundingan yang berasingan. Dengan Pas dia cakap lain, dengan DAP dia cakap lain," katanya.

Mengenai langkah Semangat 46 meletakkan calon parti lain untuk bertanding atas tiketnya dalam pilihanraya umum ini, Perdana Menteri berkata tujuannya semata-mata untuk mengabui mata rakyat.

"Semangat 46 sebenarnya tidak mempunyai calon lagi hingga memaksa parti lain bertanding atas tiketnya.

"Dengan cara ini, Semangat 46 boleh bercerita kononnya parti itu mendapat banyak kerusi, tetapi sebaliknya sebahagian kerusi yang ditandingi adalah calon dari parti lain," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas mengemukakan kertas penamaan calon di Bilik Gerakan Pejabat Daerah Kubang Pasu di sini hari ini, Perdana

Menteri memberi contoh pencabarnya di Parlimen Kubang Pasu, Datuk Sudin Wahab, adalah Presiden Hamim dan bekas pemimpin Pas.

Datuk Sudin adalah antara dua pemimpin parti anggota Angkatan Perpaduan Ummah (APU) yang bertanding atas tiket Semangat 46 di Kedah. Seorang lagi ialah Encik Talib @ Mohd Talib Haji Ahmad dari Berjasa Kedah yang bertanding di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Merbau Pulas.

Perdana Menteri berkata, APU juga bertanding dengan DAP di sesetengah kerusi kerana mahu mengabui mata pengundi kononnya gabungan Semangat 46-Pas tidak ada kai-

LIHAT MUKA 2

## DARI MUKA 1 1990

tan dengan pakatan Semangat 46-DAP.

"Sebenarnya Pas juga menyokong DAP. Parti itu cuba mengabui mata rakyat dengan bertanding satu dua kerusi yang ditandingi oleh DAP. Pas tidak bertanding menentang Lim Kit Siang, jadi bermakna mereka juga sokong Lim Kit Siang," katanya.

Mengenai peluangnya dalam pilihanraya kali ini, Perdana Menteri berkata: "Rakyat akan menentukannya. Insya Allah saya menang."

Beliau menyifatkan pencabarnya, Datuk Sudin Wahab, sebagai orang yang termasuk dalam golongan yang menyokong perjuangan dan dasar DAP.

Menurutnya, ini kerana Datuk Sudin bertanding atas tiket Semangat 46 yang menyokong DAP.

Mengenai pertandingan satu lawan satu di antara Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr Lim Chong Eu dan Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang di DUN Padang Kota, Perdana Menteri yakin Ketua Menteri itu akan mendapat sokongan penduduk Pulau Pinang.

"Dr Lim Chong Eu matang dalam bidang politik dan pentadbiran. Rakyat Pulau Pinang akan rugi jika tidak memilih Dr Lim Chong Eu," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau mengalu-alukan pertandingan itu, tetapi tindakan Encik Lim mencabar Ketua Menteri seolah-olah menunjukkan DAP sengaja mahu menimbulkan masalah dan perpecahan di kalangan penduduk Pulau Pinang.